

**TAHAP PENGETAHUAN TATABAHASA DAN ISI KANDUNGAN SUBJEK BAHASA ARAB DALAM KALANGAN GURU PELATIH BUKAN OPSYEN**

1019

Nor Azhan bin Norul' Azmi & Noor Shamshinar binti Zakaria  
*norazhan@kuis.edu.my & shamshinar@kuis.edu.my*  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

**ABSTRAK**

*Penguasaan tatabahasa merupakan aspek yang penting apabila seseorang guru pelatih mempelajari bahasa khususnya bahasa Arab. Guru pelatih bidang Pendidikan Islam terutamanya terdedah kepada tahap penguasaan bahasa yang lemah kerana tidak memberi perhatian sewajarnya terhadap subjek bahasa Arab ketika di peringkat IPT. Guru pelatih beranggapan bahawa mereka hanya perlu mempelajari kaedah pengajaran dan pembelajaran dalam bidang Pendidikan Islam sahaja. Hakikatnya, pihak pengurusan sekolah akan memberi tanggungjawab untuk mereka melaksanakan PdPc subjek Bahasa Arab juga. Oleh itu, kajian ini meninjau tahap penguasaan tatabahasa Arab dan pengetahuan isi kandungan guru pelatih bidang Pendidikan Islam semasa melakukan PdPc subjek Bahasa Arab. Pengkaji menggunakan data yang dianalisis daripada satu ujian t terhadap kosa kata dan tatabahasa Arab bagi menilai tahap penguasaan guru pelatih bukan opsyen (GPBO). Dapatan menunjukkan bahawa GPBO yang bukan bidang bahasa Arab berada pada tahaplulus ke tahap amat baik terhadap penguasaan ilmu tatabahasa Arab asas dan dianggap masih tidak berupaya untuk menyampaikan isi kandungan subjek bahasa Arab. Dapatan mendapati kelemahan dalam beberapa tajuk asas seperti pada Jumlah Fi'liyyah dan Ismiyyah, 'Adad wa Ma'dud serta Mubtada' dan Khabar. Bagi mengatasi masalah ini, guru pelatih perlu diberi peluang untuk menghadiri kelas wajib yang ada nilai jam kredit khusus dalam program mereka, kursus jangka pendek dan diberi latihan pengajaran mikro berkala.*

**Kata kunci:** *Pengetahuan Isi Kandungan, Tatabahasa, Subjek Bahasa Arab, Guru Pelatih Bukan Opsyen*

**1. PENGENALAN**

Tatabahasa merupakan aspek yang tidak boleh dielakkan apabila seseorang pelajar mempelajari bahasa kedua atau bahasa asing. Ia membantu pelajar untuk memahami bahasa ini dengan cepat dan menggunakannya dengan betul. Ibnu Khaldun (1975) dalam *al-Muqaddimah* menegaskan bahawa tatabahasa merupakan elemen paling penting di antara ilmu-ilmu lain dalam bidang bahasa Arab (Muhammatsoreh Hayisama-Ae, Muhammad Azhar Zailaini, Wan Mohd Zuhairi Wan Abdullah & Anfal Gulam Muzammil 2016). Jelas bahawa tatabahasa memainkan peranan yang utama dalam mempelajari bahasa Arab selain daripada aspek linguistik lainnya. Kejayaan dalam menguasai nahu dan sorf memastikan penguasaan yang maksimum dalam pemerolehan bahasa Arab. Dua aspek ini pula akan menjadi sokongan padu kepada pemahaman dan penguasaan aspek dalam sains bahasa yang lain seperti kemahiran asas, ilmu fonologi dan juga linguistik terapan.

Jika dilihat kepada pelaksanaan pendidikan bahasa Arab di Malaysia, terdapat senario di mana guru pelatih bukan opsyen (GPBO) khasnya bidang Pendidikan Islam turut serta melaksanakan PdPc Bahasa Arab di sekolah. Padahal mereka bukanlah dalam kalangan guru pelatih yang diberi latihan secukupnya terhadap isi kandungan subjek mahupun kaedah pengajaran Bahasa Arab. Dalam situasi ini, kejayaan PdPc Bahasa Arab dipertikaikan oleh

kerana kejayaan sesuatu subjek antaranya bergantung kepada kemahiran dan ilmu pengetahuan tenaga pengajar itu sendiri. Pihak pengurusan sekolah perlu melihat isu ini secara serius demi memastikan kejayaan pendidikan bahasa Arab. Ini kerana, Ishak Rejab pada 1992 mengatakan bahawa banyak kajian telah menyimpulkan pendidikan Bahasa Arab sebagai tidak berjaya (dalam Mohammad Abdillah Samsuiman, Asma Benjaman & Zamri Arifin (2015).

Oleh itu, GPBO perlu berada pada tahap yang sama dengan guru pelatih pendidikan Bahasa Arab dari segi penguasaan tatabahasa bahasa ini. Mohammad Abdillah Samsuiman et. al (2015) menegaskan terdapat tiga faktor guru yang berjaya dalam PdPc mereka iaitu: kemahiran guru dalam pengajaran bahasa, mempelajari selok belok bahasa dan mempunyai personaliti seorang guru bahasa yang baik. Jelas menunjukkan peranan dalam menguasai sains bahasa Arab yang antaranya ialah tatabahasa amat penting dalam memastikan pelaksanaan PdPc Bahasa Arab mencapai objektif yang diinginkan. Wan Rohani Wan Mokhtar, Mohd Zaki Abd. Rahman, Mohamad Azrien Mohamed Adnan & Nor Hazrul Mohd Salleh (2017) menambah bahawa tatabahasa juga antara faktor yang mempengaruhi penguasaan kemahiran bahasa Arab. Justeru, GPBO yang berjaya adalah mereka yang pertamanya menguasai tatabahasa Arab dan kemudiannya menampakkan penguasaan kemahiran bahasa mereka yang lain.

## **2. OBJEKTIF KAJIAN**

Sebagai pengamal pendidikan, guru harus memanfaatkan segala ilmu yang dipelajari semasa berada dalam latihan perguruan untuk memastikan setiap PdPc yang dilaksanakan berjaya. Ilmu pengetahuan yang dimaksudkan bukan sahaja tertakluk kepada major dan minor sahaja, tetapi juga bidang lain yang berkait rapat dengan subjek major dan minor. Sebagai contoh, guru pelatih Pendidikan Islam perlu menguasai bahasa Arab kerana subjek ini berkait rapat dengan major mereka. Ini kerana, kemungkinan besar guru pelatih ini akan diberi tanggungjawab untuk melaksanakan PdPc Bahasa Arab juga apabila dihantar untuk berkhidmat di sekolah. Secara ringkasnya, objektif kajian ini dapat dikategorikan kepada dua tujuan utama iaitu:

- 2.1 Membandingkan tahap penguasaan isi kandungan dan tatabahasa Arab dalam kalangan GPBO.
- 2.2 Mencadangkan latihan, persediaan dan program pemantapan bahasa Arab untuk GPBO.

## **3. METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif di mana persampelan diambil secara rawak purposif terhadap 74 orang pelajar semester empat, Diploma Pendidikan Islam di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS). Instrumen kajian ini berbentuk eksperimen di mana ujian pra dan pos dilaksanakan terhadap responden bagi menjawab soalan kajian. Soalan-soalan ujian pra dan pos melibatkan tajuk-tajuk asas tatabahasa Arab yang dianggap penting untuk dikuasai. GPBO ini menjalani rawatan selama dua jam selama sepuluh minggu berturut-turut. Data dianalisis dengan ujian *t* bagi mendapatkan perbezaan min tahap penguasaan pelajar terhadap tatabahasa Arab sebelum dan selepas ujian. Kajian literatur juga dijalankan untuk membuat


kesimpulan terhadap cara mengatasi masalah kesediaan guru pelatih bukan opsyen dalam Bahasa Arab.

Oleh kerana analisis ini melibatkan min setiap ujian pra dan pasca, pengkaji menggunakan skema penarafan min berasaskan peratus yang digunakan oleh Kolej Universiti berkenaan. Jadual 1 menunjukkan kepada interpretasi skor min bagi penguasaan pelajar terhadap tatabahasa dan isi kandungan subjek Bahasa Arab:

**Jadual 1: Interpretasi Skor Min Tahap Penguasaan Pelajar**

Peratus	Skor Min	Tahap
0 - 39	0.0 - 31.0	Gagal
40 - 49	32.0 - 39.0	Lulus
50 - 64	40.0 - 51.0	Baik
65 - 74	52.0 - 59.0	Amat Baik
75 - 100	60.0 - 80.0	Cemerlang

Berikut pula adalah rajah prosedur yang perlu dilalui oleh kumpulan rawatan yang mengambil masa selama 10 minggu di dalam bilik tutorial dan 3 jam di luar bilik tutorial untuk menjalani ujian pra dan pasca yang salah satunya selama 1.5 jam.



**Jadual 2: Prosedur Pengumpulan Data terhadap Kumpulan Rawatan**

## Pembolehubah

Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan kelas tutorial dan modul asas tatabahasa Arab sepanjang tempoh rawatan. Ia merupakan pemboleh ubah tidak bersandar dalam kajian ini. Manakala penguasaan pelajar terhadap tatabahasa dan isi kandungan subjek Bahasa Arab menjadi pemboleh ubah bersandar.

## 4. DAPATAN KAJIAN

### 4.1 Demografi GPBO

Hasil daripada data yang diperolehi melalui skor markah ujian pra dan pos, responden kajian terdiri daripada 22 orang pelajar lelaki dan 52 orang pelajar perempuan. Mereka adalah guru pelatih dalam opsyen Pendidikan Islam dan bukannya opsyen Bahasa Arab (GPBO) yang turut diberi tanggungjawab untuk melaksanakan PdPc Bahasa Arab semasa praktikum di sekolah. Responden telah mengambil satu kursus utama berkaitan bahasa Arab iaitu (Kaedah Asas Pengajaran Bahasa Arab, kod PDPI 1022) semasa latihan perguruan. Akan tetapi mereka tidak mengambil mana-mana subjek teras yang berkaitan untuk pengukuhan bahasa Arab. Hasil pemerhatian dalam kajian Noor Shamshinar Zakaria, Nor Azhan Norul'Azmi & Mohammad Salihin Hafizi Mohd Fauzi (2018) mendapati bahawa mereka amat lemah dalam pengajaran mikro BA serta kurang mempraktikkan ilmu dan kaedah pengajaran bahasa. Hal ini telah menyumbang kepada pelaksanaan kajian eksperimen ini untuk mengenalpasti tahap sebenar penguasaan mereka dalam tatabahasa Arab.

### 4.2 Demografi ujian pra dan pasca

Soalan dalam ujian pra dan pasca merangkumi pelbagai tajuk tatabahasa Arab seperti *Jumlah Ismiyyah & Fi'liyyah, Ism Isyarat, Ism Mausul, Mubtada' & Khabar* dan lain-lain lagi yang ditunjukkan dalam jadual 3. Ini merupakan tajuk asas tatabahasa Arab yang dianggap wajib untuk menguasai bahasa Arab.

Jadual 3: Pilihan Tajuk Asas Tatabahasa Arab

Tajuk	Bilangan Soalan	Skor Markah
<i>Al-'Adad wa al-Ma'dud</i>	15	15
<i>Al-Mubtada' wa al-Khabar</i>	5	5
<i>Al-Jumlah al-Ismiyyah</i>	10	10
<i>Ism al-Isyarat</i>	5	5
<i>Al-Dhamir</i>	5	5
<i>Al-Af'al</i>	10	10
<i>Al-Alwaan</i>	5	5
<i>Al-Sa'ah</i>	5	5
<i>Asma' al-Yaum</i>	5	5
<i>Taabiraat Sahlah</i>	10	5
<i>Al-Syahr</i>	10	10
	<b>85</b>	<b>80</b>

Keputusan kajian adalah signifikan ( $t=-11.999$ ,  $df=74$ ,  $p<.05$ ). Hipotesis nul ditolak dan didapati bahawa terdapat perbezaan penguasaan kumpulan pelajar sebelum mendapat rawatan dan selepas mendapat rawatan. Nilai skor min yang lebih tinggi pada markah ujian pasca menunjukkan bahawa tutorial yang dilaksanakan dapat meningkatkan penguasaan GPBO dalam tatabahasa dan isi kandungan bahasa Arab. Nilai min pada ujian penguasaan BA pra menunjukkan pelajar hanya berada pada tahap lulus dengan nilai sebanyak 34.52. Bagi ujian penguasaan BA pasca pula, dapatan menunjukkan peningkatan nilai kepada 53.24 berbanding sebelumnya dan berada pada tahap amat baik. Jadual 4 merupakan dapatan mengenai min penguasaan tatabahasa Arab bagi ujian pra dan pasca:

Jadual 4: Min Penguasaan Tatabahasa Arab bagi Pra dan Pasca (N=74)

	Min	Sisihan Piawai	Status Min
Ujian Penguasaan BA Pra	34.52	12.52	Lulus
Ujian Penguasaan BA Pasca	53.24	14.04	Amat Baik

Ini bermakna perbezaan min yang wujud antara ujian pra dan pasca bagi skor markah penguasaan BA adalah sebanyak 18.716. Nilai min pada ujian penguasaan BA pra menunjukkan pelajar hanya berada pada tahap lulus dan berlaku peningkatan nilai menjadi markah ini berada pada tahap amat baik. Jadual 5 merupakan dapatan mengenai perbezaan min ujian tatabahasa Arab bagi ujian pra dan pasca:

Jadual 5: Perbezaan Min Penguasaan Tatabahasa Arab antara Pra dan Pasca (N=74)

	Min	Perbezaan Min	Sisihan Piawai	t	df	Sig. (2-tailed)
Ujian Penguasaan BA Pra	34.527	18.716	13.417	-11.999	74	.000
Ujian Penguasaan BA Pasca	53.243				74	

\*signifikan pada aras  $P < 0.005$

Melalui dapatan kajian ini, terdapat penguasaan dalam aspek tatabahasa yang masih lemah antaranya *Jumlah Ismiyyah* dan *Jumlah Fi'liyyah*. Ini kerana pola *Jumlah Fi'liyyah* tidak wujud dalam ayat bahasa Melayu. Pola *Jumlah Fi'liyyah* dibentuk dengan kata kerja di awal ayat dan disusuli dengan kata nama. Manakala ayat bahasa Melayu dimulai dengan subjek (kata nama). Hal ini mengelirukan pelajar apabila ingin menukar daripada pola *Jumlah Ismiyyah* kepada *Jumlah Fi'liyyah* atau sebaliknya. Ia ditegaskan oleh kajian Wan Rohani Wan Mokhtar et. al (2017), kajian mendapati antara kelemahan tatabahasa Arab dalam kalangan pelajar adalah

aspek *Jumlah Fi'liyyah* atau ayat yang bermula kata kerja. Ia berlaku apabila pelajar tidak dapat membezakan pola kata kerja, perubahan yang berlaku terhadap kata kerja semasa berlaku perubahan gender dan bilangan. Ia juga berlaku terhadap tajuk lain seperti *al-Marfu'aat*, *al-Mansubaat* dan *al-Majruraat*.

Dari sudut ejaan perkataan Arab pula, pelajar masih lagi membuat kesalahan pada perkataan yang mudah. Kesalahan ini kebanyakannya berlaku pada penulisan *Hamzaat* iaitu *hamzah wasl* dan *hamzah qat'*. Contohnya, hamzah qat pada perkataan (ارجع) di mana perkataan yang betul adalah (ارجع) dengan hamzah wasl. Ini adalah kesalahan pelajar dalam menulis *hamzah qat'* pada perkataan *Fi'l Amr* bagi *Fi'l Madhi Thulathi*. Selain itu, kesalahan ejaan berlaku pada perkataan yang biasa dijumpai oleh pelajar terutama pada bab 'Adad wa Ma'dud. Terdapat jawapan yang ditulis dengan ejaan yang salah seperti (اربعة), (الخمسة), (اربعه), (اثنان) dan (والربعوة). Di antara kelemahan yang ketara didapati dalam ujian pra ialah bab *al-Sa'ah*. Pelajar tidak menggunakan *'Adad Tartibiy* sebagai melengkapkan bilangan jam tersebut. Malah ada banyak lagi pelajaran lain seperti *Ism Isyarat*, *Dhamir* dan *Ta'biraat Sahlah* yang perlu diambil perhatian untuk diperbaiki oleh pelajar sebelum keluar untuk menjalani praktikum di sekolah.

## 5. CADANGAN DAN PENAMBAHBAIKAN

### 5.1 Cadangan Terhadap GPBO

Secara umumnya, pendidikan Bahasa Arab masih boleh diperbaiki mutu dan kualiti dengan sokongan semua pihak. Kejayaannya walaubagaimanapun berkait rapat dengan kualiti seorang guru di mana mereka ialah moderator dan merangkap penyalur kurikulum bahasa Arab di Malaysia. Segala kurikulum dan objektif matapelajaran Bahasa Arab dimulai apabila guru melangkah masuk ke bilik darjah. Justeru, peranan besar seorang guru menentukan kejayaan PdPc nanti. Mohammad Abdillah Samsuiman et. al (2015) mengatakan pencapaian pelajar berkait rapat dengan kualiti guru Bahasa Arab. Beberapa cadangan bagi mempertingkatkan kemahiran dan kualiti GPBO adalah seperti berikut:

#### a. Penggunaan metod dan teknik yang berkesan

Metod dan teknik dianggap perkara mustahak kepada guru untuk penguasaan kemahiran bahasa Arab pelajar (Muhammatsoreh Hayisama-Ae et. al 2016). Bagi merealisasi keberkesanan metod dan teknik yang berjaya, guru perlu dilengkapi dengan kursus teras bagi menambah ilmu pengetahuan tentang kaedah pengajaran bahasa Arab sendiri. Ini bermaksud, terdapat kursus sedia yang menyentuh secara langsung mengenai PdPc bahasa Arab dan bukannya bersifat umum seperti sebelum.

#### b. Mendalami tatabahasa Arab secara mendalam

Ilmu tatabahasa perlu digarap secukupnya dalam kalangan guru pelatih bukan opsyen. Ini kerana Muhammatsoreh Hayisama-Ae et. al (2016) berpendapat kelemahan dan kemerosotan dalam tatabahasa Arab akan menjejaskan keseluruhan penguasaan bahasa tersebut. Wan Rohani Wan Mokhtar et. al (2017) menambah bahawa tujuan mempelajari tatabahasa adalah untuk mengelak

daripada berlaku kesilapan semasa menulis dan bertutur selain daripada agen kepada kekuatan memerhati dan berfikir secara logik. Amat wajar jika GPBO memanfaatkan sepenuhnya masa yang ada di IPT untuk mendalami ilmu tatabahasa Arab sebelum melangkah keluar ke sekolah. Kesedaran terhadap mempraktikkan bahasa yang betul bermula semasa latihan dengan menganggap diri sebagai guru pelatih Bahasa Arab juga. Justeru dengan penggunaan tatabahasa yang betul akan melahirkan penggunaan bahasa yang tepat. Penggunaan bahasa yang tepat akan menambah nilai GPBO dan memberi keberkesanan dalam pengajaran mereka.

### **c. Mempunyai tahap kesempurnaan berfikir yang baik**

Proses seseorang guru berfikir juga penentu kepada kejayaan dalam PdPc mereka. Seorang GP yang lemah daya berfikir tidak mampu menyelesaikan masalah semasa PdPc. Ini kerana masalah yang berlaku sering kali tidak dijangka oleh guru tersebut berdasarkan pengetahuan teori mereka semasa latihan. Masalah dalam bilik darjah yang berlaku hari ini juga kadang-kala tidak pernah berlaku sebelumnya. Demikian, amat mustahak untuk seseorang GP Wong Seet Leng (2005) menegaskan bahawa bentuk pemikiran dan proses berfikir guru perlu diuji demi mengenalpasti langkah yang bakal diambil semasa berada di dalam bilik darjah (dalam Muhammatsoreh Hayisama-Ae et. al 2016).

## **5.2 Cadangan Terhadap Penawar Program**

Antara usaha lain yang boleh dimainkan oleh pihak bertanggungjawab ialah peranan daripada penawar program Pendidikan Islam di IPT. Kesedaran terhadap kualiti sebenar guru pelatih perlu diperkasa mengikut pasaran sebenar semasa mereka dihantar untuk berkhidmat di sekolah apabila graduasi kelak. IPT perlu sedar akan hakikat dan hasil dapatan kajian sebelum ini dalam penawaran terhadap major Pendidikan Islam di institusi mereka di mana pentingnya kualiti GPBO dalam pendidikan Bahasa Arab. Oleh itu, dalam merangka dan memurnikan silibus program Pendidikan Islam, IPT perlu memastikan ada ruang yang luas untuk GPBO mempelajari bahasa Arab. Wan Rohani Wan Mokhtar et. al (2017) menegaskan bahawa mengambil berat terhadap pelajaran tatabahasa Arab bermaksud prihatin dengan sukatan, teknik pengajaran guru, penilaian serta pelbagai isu berkaitan tatabahasa Arab. Antara cadangan baik yang wajar dilaksanakan adalah seperti:

### **a. Memperuntukkan jam kredit khas**

Sebagai sebuah IPT yang menawarkan program diploma atau Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Islam kepada pelajar, pihak berwajib seperti fakulti dan jabatan harus sedar akan kelemahan dan kegagalan GPBO dalam isu pengajaran bahasa Arab. Kesedaran ini perlu bermula semasa proses menggubal kurikulum program di peringkat awal. Mereka perlu sedar bahawa pasaran guru pelatih Pendidikan Islam adalah untuk pasaran subjek Bahasa Arab juga di sekolah. Guru Pendidikan Islam kebiasaannya sinonim untuk diberi tanggungjawab mengajar Bahasa Arab walaupun mereka bukan daripada bidang ini. Demikian, IPT wajib memperuntukkan jam kredit khas atau menambah bilangan sedia ada bagi kursus yang berkaitan dengan bahasa Arab untuk program Pendidikan Islam supaya guru pelatih ini dibekalkan ilmu bahasa Arab secukupnya.

### **b. Menambah koleksi modul bahasa Arab di institusi**

Langkah yang tidak boleh diketepikan adalah menempatkan buku, modul atau buku teks khas untuk tatabahasa Arab di perpustakaan IPT. Pensyarah juga perlu memastikan modul yang diguna dalam bilik kuliah adalah modul yang bermutu tinggi serta memberi manfaat untuk menyalur dan meningkatkan penguasaan tatabahasa Arab GPBO. Modul yang ada kualiti ialah modul yang digubal mengikut keperluan guru pelatih sebagai pelajar yang dilatih untuk mengajar subjek Bahasa Arab di sekolah kelak. Walaupun sudah banyak modul tatabahasa Arab di pasaran, namun sasaran setiap modul berlainan sama sekali untuk pasaran yang berbeza. Maka, modul yang wajar dijadikan koleksi IPT khususnya fakulti berteraskan latihan perguruan adalah modul yang direkabentuk untuk GPBO sendiri.

### **c. Memperbanyakkan kursus jangka pendek**

Minggu bahasa dan kem umpamanya mampu meningkatkan penguasaan bahasa Arab dan kemahirannya dalam kalangan GPBO secara berterusan (Mohammad Haafiz Ahmid, Mohd Khairuddin Abdullah & Khalid Johari 2018). Ia adalah bentuk kursus jangka pendek yang banyak digunapakai oleh tenaga pengajar pelbagai peringkat sama ada sekolah mahupun IPT untuk memantapkan bahasa Arab pelajar. Bagi GPBO, antara alternatif lain kepada kem dan minggu bahasa ialah dengan penganjuran program “*wajib hadir*” oleh pihak fakulti sendiri. Program ini termasuklah kelas intensif berkala kepada pelajar tahun akhir sebelum memulakan praktikum dengan penilaian prestasi dibuat ke atas guru pelatih. Jika GPBO gagal dalam penilaian ini, mereka tidak boleh menyambung praktikum di mana-mana sekolah sehingga mereka betul-betul lulus ujian yang diadakan.

## **6. PENUTUP**

Kesimpulannya, usaha untuk memastikan bahawa kelangsungan kejayaan pendidikan bahasa Arab perlu melibatkan semua aspek dan pihak. Kejayaan dan kegagalan berlaku disebabkan banyak faktor yang menjadi dominan kepada kesan kedua-duanya. Ia ditegaskan oleh Yusri Ghazali (2010) bahawa kejayaan pendidikan ini bukan sahaja bergantung kepada kejayaan modul semata-mata tetapi juga melibatkan guru, pelajar, persekitaran, bahan PdPc, strategi pengajaran dan pembelajaran (dalam Mohammad Abdillah Samsuiman, Asma Benjaman & Zamri Arifin 2015). Pengamal pendidikan untuk perguruan akan berjaya memasarkan graduan daripada GPBO yang berkualiti sekiranya langkah yang perlu diambil kira bagi manfaat pendidikan bahasa Arab di Malaysia terutamanya.

## **RUJUKAN**

Muhammatsoreh Hayisama-Ae, Muhammad Azhar Zailaini, Wan Mohd Zuhairi Wan Abdullah & Anfal Gulam Muzammil. 2016. *Arabic Grammar Teaching Methods in University of Fatoni, Thailand*. OIDA International Journal of Sustainable Development, Ontario International Development Agency, Canada ISSN 1923-6654 (print) ISSN 1923-6662 (online).



- Mohammad Haafiz Ahmid, Mohd Khairuddin Abdullah, Khalid Johari. 2018. *Pengajaran Guru dan Kepercayaan Motivasi Pelajar dalam Pembelajaran Bahasa Arab di Sekolah Menengah*. Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities, Volume 3, Issue 3, (page 136 - 147), e-ISSN : 2504-8562.
- Mohammad Abdillah Samsuiman, Asma Benjaman & Zamri Arifin. 2015. *Hubungan Antara Kecenderungan Minat Pelajar Dalam Bahasa Arab Dengan Kualiti Diri Guru Bahasa Arab MRSM Ulul Albab, Kota Putra*. ISSN: 1985-7012 Vol. 8 No. 2 July - December 2015.
- Noor Shamshinar Zakaria, Nor Azhan Norul'Azmi & Mohammad Salihin Hafizi Mohd Fauzi. 2018. Kesediaan Guru Pelatih Terhadap Pelaksanaan Micro-Teaching Mata Pelajaran Bahasa Arab. Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial & Kemanusiaan (PASAK 2018). 23-24 April 2018, Auditorium Utama, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS).
- Wan Rohani Wan Mokhtar, Mohd Zaki Abd. Rahman, Mohamad Azrien Mohamed Adnan & Nor Hazrul Mohd Salleh. 2017. *Penguasaan Tatabahasa Arab dalam Kalangan Pelajar Asasi Universiti Awam Malaysia*. AL-BASIRAH. Volume 7, No 2, pp. 23-41, Dec 2017. Journal Homepage: <http://e-journal.um.edu.my/publish/albasirah/>.